

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2002/2003

FEBRUARI/MAC 2003

**EUP 213/2 – Perakaunan Pengurusan**

Masa : 3 jam

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** muka surat yang bercetak termasuk muka surat hadapan ini sebelum anda memulakan peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH (7)** soalan.

**SOALAN SATU** wajib dijawab dan **EMPAT** soalan yang lain.

Jumlah soalan yang perlu dijawab ialah **LIMA** soalan.

Markah soalan diperlihat di penghujung soalan berkenaan.

Jawab **SEMUA** soalan dalam Bahasa Malaysia

Mesinkira boleh digunakan.

1. Syarikat Hurgada menggunakan sistem pengekosan tempahan kerja untuk menentukan kos bagi produknya iaitu kotak-kotak khas yang dibuat mengikut spesifikasi pelanggan. Semua produk diproses melalui 2 kilang. Di kilang Hurgada-A1, bahan-bahan dipotong dan dimesinkan. Kemudian, ia akan dipindahkan ke kilang Hurgada-A2 dan bahan-bahan ini dipasang, dicat dan dibungkus sebelum dihantar kepada pelanggan yang menempah produk itu.

Belanjawan berikut telah dibuat oleh Syarikat Hurgada bagi tahun 2003:

	Kilang A1	Kilang A2
Jumlah overhead	RM 124 800	RM 120 000
Jam buruh langsung	48 000 jam	15 000 jam
Jam mesin	12 000 jam	40 000 jam

Pada bulan Januari 2003, kerja nombor 8189 telah disiapkan dan maklumat tentang kerja tersebut adalah seperti berikut:

	Kilang A1	Kilang A2
Bahan langsung	RM 165	RM 75
Upah langsung	RM 492	RM 148
Jam buruh langsung digunakan	40 jam	12 jam
Jam mesin digunakan	10 jam	35 jam

Overhead Kilang A1 diserapkan berasaskan jam buruh langsung dan Kilang A2 diserap berasaskan jam mesin.

- Kirakan kadar penyerapan overhead pratentu bagi Kilang A1 dan Kilang A2.
- Kirakan overhead Kilang A1 dan Kilang A2 yang perlu dicajkan kepada kerja nombor 8189.
- Kirakan kos kerja nombor 8189.
- Mengapakah maklumat perakaunan pengurusan penting kepada para jurutera?

**(100 markah)**

2. Syarikat Voldus Semikon mengeluarkan semikonduktor dengan menggunakan beberapa proses. Oleh yang demikian, ia mengamalkan sistem pengekosan proses untuk mengekos

.../3

produknya, Dokki-Con. Syarikat Voldus Semikon menggunakan kaedah Kos Proses Purata Wajaran. Berikut adalah maklumat berhubung dengan Proses 1 untuk bulan Januari 2003:

Kerja dalam proses pada 1 Januari 2003	500 unit:	
	Bahan	RM 1 200
	Buruh	RM 600
	Overhed	RM 240
Jumlah unit baru yang dimulakan pada bulan Januari 2003	4 500 unit	
Jumlah unit yang disiapkan pada bulan Januari 2003	4 000 unit	
Kerja dalam proses pada 31 Januari 2003	1 000 unit 50 % siap	
Kos baru ditambah pada bulan Januari 2003	Kos:	
	Bahan	RM 10 800
	Buruh	RM 8 400
	Overhed	RM 3 360

Nota : RM'000

Sila sediakan beberapa perkara berikut:

- Jadual pengeluaran untuk mengira unit-unit setara.
- Jadual kos untuk mengira kos seunit setara.
- Penyata untuk mengira kos unit-unit yang disiapkan dan kerja dalam proses pada akhir bulan Januari.
- Akaun Proses 1.

**(100 markah)**

3. Syarikat Pengeluaran Bravo menganggarkan beberapa perkara berikut untuk 3 bulan akan datang:

	April	Mei	Jun
Volum produk dijual	9 600	14 000	20 800
Inventori produk diperlukan pada akhir setiap bulan	800 unit	1 200 unit	2 000 unit
Inventori bahan mentah diperlukan akhir setiap bulan	4 800 unit	8 000 unit	1 200 unit

.../4



Syarikat ini mengeluarkan sejenis produk yang memerlukan sejenis bahan mentah.

Maklumat-maklumat tambahan adalah seperti berikut:

Setiap unit produk yang diproses memerlukan 4 unit bahan mentah yang dibeli pada harga RM 2.80 seunit.
Inventori produk tersebut pada 1 April 2003 adalah 1 400 unit dan inventori bahan mentah pada 1 April 2003 adalah 1 200 unit.
Sebanyak 20% dari jumlah produk ini yang dikeluarkan setiap bulan dianggarkan rosak dan tidak boleh dijual.

Anda dikehendaki menyediakan perkara-perkara berikut untuk bulan April, Mei dan Jun:

- Belanjawan pengeluaran barang siap.
- Belanjawan penggunaan bahan.
- Belanjawan pembelian bahan mentah.

**(100 markah)**

4. Syarikat Perkilangan OKKing membuat sejenis produk yang berasaskan keluli pada harga RM 6.00 seunit. Kos-kos dan belanja berkait dengan produk tersebut adalah seperti berikut:

Kos pengeluaran berubah	Bahan	RM 0.80 seunit
	Upah langsung	RM 1.20 seunit
	Overhed	RM 0.50 seunit
Kos pengeluaran tetap	RM 4 000 sebulan	
Belanja pentadbiran berubah	RM 1.50 seunit	
Belanja pentadbiran tetap	RM 2 000 sebulan	

Syarikat ini bercadang untuk memproses 50 000 unit pada tahun akan datang. Anda dikehendaki mengira:

- Margin keuntungan.
- Volum jualan dalam unit untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM 60 000 setahun.
- Keuntungan daripada volum jualan sebanyak 60 000 unit setahun.

**(100 markah)**

.../5

5. Syarikat Pengeluaran Sri Kaya Sdn. Bhd. mengeluarkan produk yang dinamakan "Lopez". Jumlah "Lopez" yang dikeluarkan dan dijual tiap-tiap tahun adalah 75 000 unit. Untung daripada pengeluaran dan jualan 75 000 unit ini adalah seperti berikut:

Jualan		RM 1 875 000
<b>Tolak kos:</b>		
Bahan	75 000 unit @ RM 5.40 seunit = RM 405 000	
Buruh	75 000 unit @ RM 12.50 seunit = RM 937 500	
Overhed berubah	75 000 unit @ RM 2.20 seunit = RM 165 000	
<b>Overhed tetap:</b>		
	Gaji	RM 45 000
	Insurans	RM 12 500
	Sewa	RM 5 600
	Susutnilai	RM 5 000
	Lain-lain	RM 3 600
		RM 1 579 200
<b>UNTUNG</b>		RM 295 800

Baru-baru ini, seorang pelanggan telah menawarkan untuk membeli 25 000 unit "Lopez" pada harga RM 20.50 seunit. Sekiranya pesanan khas ini diterima, gaji dan insuran syarikat dijangka akan meningkat sebanyak 20 %.

Sediakan satu penyata untuk menunjukkan sama ada pesanan khas ini patut diterima atau ditolak.

**(100 markah)**

6. Syarikat Automobil Handai Sdn. Bhd. memerlukan sejenis komponen tambahan untuk mengeluarkan kereta barunya, Senata. Jumlah komponen yang diperlukan setiap tahun adalah RM 60 000 unit. Komponen ini boleh dibeli daripada sebuah syarikat luar pada harga RM 6.30 seunit. Komponen ini juga boleh dikeluarkan oleh kilang Syarikat Handai pada kos-kos berikut:

.../6

	Kos seunit (RM)	Jumlah Kos Setahun (RM)
Bahan	1.80	108 000
Buruh langsung	2.50	150 000
Overhed berubah	1.60	96 000
Overhed tetap	1.50	90 000
<b>JUMLAH</b>	<b>7.40</b>	<b>444 000</b>

Gunakan informasi di atas untuk menasihatkan sama ada komponen berkenaan patut dibuat atau dibeli.

**(100 markah)**

7. Syarikat Mega Sinar Arena sedang menimbangkan untuk melabur dalam satu daripada 2 projek pelaburan, iaitu Projek A dan Projek B. Projek A memerlukan modal awal sebanyak RM 30 000 manakala projek B pula memerlukan perbelanjaan modal awal sebanyak RM 25 000. Berikut adalah aliran tunai masuk berkait dengan kedua-dua projek tersebut:

Tahun	Projek A (RM)	Projek B (RM)
1	8 000	12 000
2	12 000	10 000
3	15 000	10 000
4	10 000	6 000
5	8 000	4 000

Kos modal adalah 10 % setahun dan semua penerimaan dan pembayaran diandaikan berlaku pada akhir tahun. Berikut adalah jadual nilai kini untuk RM 1.

Tahun	10%	11%	12%	13%	14%
1	0.9091	0.9009	0.8929	0.8850	0.8772
2	0.8264	0.8116	0.7912	0.7831	0.7695
3	0.7513	0.7312	0.7118	0.6931	0.6750
4	0.6830	0.6587	0.6355	0.6133	0.5921
5	0.6209	0.5935	0.5674	0.5428	0.5195

Berdasarkan pengiraan, nasihatkan Syarikat Mega Sinar Arena tentang projek mana yang patut dipilih.

**(100 markah)**

oooOOOooo